



Soalan Lazim



Hubungi Kami

Aduan dan
Maklum Balas

Peta Laman

Utama

Profil Kementerian ▾

Piagam Pelanggan

Hubungi Kami ▾

Utama Arkib 2017 Petikan Akhbar

Berita Harian - Perluas Program VIP Ke Negara ASEAN

Berita Harian - Perluas Program VIP Ke Negara ASEAN

🕒 Isnin, Dis 18 2017



(FOTO NURSTAHBAH MARZUKI/HH)



Perluas program VIP ke negara ASEAN

Cyberjaya: Program Felo Sukarelawan Profesional Antarabangsa (VIP) 4.0 akan diperluaskan ke negara ASEAN lain yang rakyatnya kurang bernaib baik termasuk membabitkan etnik Rohingya di Myanmar.

Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Tan Sri Dr Mohd Irwan Serigar Abdullah, berkata program berkenaan adalah satu usaha untuk membantu rakyat beberapa negara berpendapatan rendah seperti Laos, Myanmar dan Vietnam meningkatkan taraf hidup mereka.

"Melalui program ini, kita juga mahu menjadikan Malaysia sebagai negara peneraju dalam program berteraskan kesukarelawan dan keusahawanan merentas sempadan.

"Oleh itu, kita akan memperluaskan lagi program ini kepada golongan yang memerlukan bantuan sukarelawan untuk mengubah nasib hidup mereka ke arah yang lebih baik," katanya.

Bukti kerajaan prihatin

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Majlis Penutup dan Impak Hasil Program Program Bahasa Inggeris 1 Malaysia (B1M) dan VIP di Pusat Inovasi dan Kreativiti Global Malaysia (MaGIC), Cyberjaya, semalam.

Mohd Irwan berkata, program berkenaan juga menunjukkan kerajaan tidak hanya mementingkan Malaysia semata-mata, tetapi turut membantu negara ASEAN yang lain.

"Program seperti ini dapat meningkatkan keyakinan mereka terhadap Malaysia malah, kita lebih mudah untuk membuat perdagangan dengan negara berkenaan," katanya.

Sementara itu, beliau berkata, program B1M yang dijalankan sepanjang dua tahun di seluruh negara itu berjaya memberi impak kepada seramai 15,485 individu.

"Program ini dapat melatih masyarakat menggunakan bahasa Inggeris untuk membantu mereka meningkatkan keyakinan dalam berkomunikasi.

"Malah, kita mahu masyarakat mengambil berat mengenai kepentingan mempelajari bahasa Inggeris kerana ia mampu membantu memudahkan mereka mendapat pekerjaan," katanya.

Pekeliling
Perbendaharaan

BISNES

AGENSI

WARGA

Perkhidmatan MOF

Perkhidmatan Atas Talian <

Aplikasi Mudah Alih

Laman Mikro <

e-Penyertaan & Maklumbalas <

Statistik & Prestasi <

Pautan <

Agensi <

Hubungi Kami

Kementerian Kewangan Malaysia
No. 5 Persiaran Perdana, Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62592 WP PUTRAJAYA

☎ 03-8000 8000

📠 03-88823893 / 03-88823894

✉ [pro\[at\]treasury\[dot\]gov\[dot\]my](mailto:pro[at]treasury[dot]gov[dot]my)



[Dasar Privasi](#) | [Dasar Keselamatan](#) | [Penafian](#) |
[Peta Laman](#) | [Bantuan](#) | [Arkib](#) | [Undian](#)

© **Hakcipta Terpelihara Kementerian Kewangan Malaysia.**

Paparan terbaik menggunakan pelayar internet Safari, Chrome atau Firefox yang terkini.

Kemaskini terakhir: **12 Februari 2020** | Jumlah Pelawat: **27637216**